

SULIT
1249/2
Sejarah
SEPTEMBER
2009
2½ jam



JABATAN PELAJARAN MELAKA
Dengan kerjasama
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009
SEJARAH Kertas 2 (2½ jam)

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab semua soalan daripada **Bahagian A** dan tiga soalan daripada **Bahagian B.**
3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
4. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan **Bahagian B.**

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
	3	
	4	
B	5	
	6	
	7	
	8	
	9	
Jumlah		

Kertas soalan ini mengandungi **8 halaman bercetak**

(Lihat sebelah
SULIT

Bahagian A*40 markah**Jawab semua soalan.*

1. Pernyataan di bawah menerangkan tentang tamadun Indus.

Pencapaian tamadun Indus yang paling istimewa ialah kemampuan mereka membina bandar terancang.

- a. Berikan nama **dua** buah bandar terancang dalam tamadun di atas.
- (i)
(ii) (2 markah)
- b. Nyatakan **dua** ciri bandar terancang tersebut.
- (i)
(ii) (2 markah)
- c. Apakah ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat Indus bagi membolehkan mereka membina bandar terancang ?
- (i)
(ii) (2 markah)
- d. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah faktor yang membolehkan masyarakat Indus membina bandar terancang ?
- (i)
(ii) (2 markah)
- e. Adakah kawasan tempat tinggal anda sebuah kawasan petempatan terancang? Berikan alasan-alasan anda.
- (i)
(ii) (2 markah)

2 Jadual berikut menerangkan tentang kerajaan Bani Umayyah

Kerajaan Bani Umayyah	Ibu Pejabat Pemerintahan
Tahap Pertama	<ul style="list-style-type: none"> • Damsyik
Tahap Kedua	<ul style="list-style-type: none"> • Cordova

- a. Namakan pengasas kerajaan tersebut.
- (i) Tahap Pertama:
- (ii) Tahap Kedua: [2 markah]
- b. Sistem pentadbiran Kerajaan Bani Umayyah dilaksanakan secara sistematik.
- Nyatakan **dua** aspek utama sistem pentadbiran kerajaan Bani Umayyah.
- (i)
- (ii) [2 markah]
- c. Kerajaan Bani Umayyah turut melaksanakan sistem perundangan yang mantap.
- Bagaimanakah hakim melaksanakan sesuatu hukuman?
- (i)
- (ii) [2 markah]
- d. Berikan **dua** sumber pendapatan kerajaan yang disimpan di baitulmal.
- (i)
- (ii) [2 markah]
- e. Pada pendapat anda, bagaimanakah sebuah kerajaan boleh mencapai kegemilangannya?
- (i)
- (ii) [2 markah]

- 3 Pernyataan berikut menerangkan tentang nasionalisme di Asia Tenggara.

Gerakan nasionalisme di Asia Tenggara bermula di Filipina.

- a. Senaraikan **dua** tokoh nasionalis di negara tersebut.
- (i)
- (ii)
- [2 markah]
- b. Berikan **dua** tuntutan gerakan nasionalisme pada tahap pertama di Filipina.
- (i)
- (ii)
- [2 markah]
- c. Nyatakan **dua** tindakan yang telah diambil oleh penjajah Sepanyol bagi menangani gerakan nasionalis berkenaan.
- (i)
- (ii)
- [2 markah]
- d. Berikan **dua** ciri perjuangan Katipunan.
- (i)
- (ii)
- [2 markah]
- e. Mengapakah gerakan nasionalisme bercorak radikal berjaya ditangani oleh penjajah ?
- (i)
- (ii)
- [2 markah]

4. Pernyataan di bawah berkaitan Wawasan 2020.

Wawasan 2020 merupakan agenda nasional dalam menghadapi cabaran dan persaingan dunia sejagat.

- a. Namakan tokoh yang mencetuskan idea tersebut.

(i)
[1 markah]

- b. Nyatakan **dua** matlamat Wawasan 2020.

(i)
(ii)
[2 markah]

- c. Senaraikan **tiga** cabaran yang terdapat dalam wawasan itu.

(i)
(ii)
(iii)
[3 markah]

- d. Pada pendapat anda, apakah masalah yang dihadapi untuk menjayakan wawasan tersebut?

(i)
(ii)
[2 markah]


- e. Sebagai pelajar, bagaimanakah anda merealisasikan Wawasan 2020 ?

(i)
(ii)
[2 markah]

Bahagian B**[60 markah]***Jawab tiga soalan sahaja.*

5. Hijrah berlaku pada 1 Rabiulawal bersamaan 12 September tahun 622 M.
- (a) Jelaskan pengertian hijrah. [5 markah]
- (b) Terangkan kepentingan hijrah kepada umat Islam. [10 markah]
- (c) Berikan beberapa contoh yang menunjukkan konsep hijrah boleh diamalkan oleh pelajar untuk mencapai kecemerlangan diri dalam kehidupan seharian.
[5 markah]
6. Peringkat awal Zaman Pertengahan di Eropah dikenali sebagai Zaman Gelap. Masyarakat zaman ini digelar sebagai masyarakat feudal.
- (a) Jelaskan ciri-ciri Zaman Gelap di Eropah. [10 markah]
- (b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah persamaan masyarakat Melayu tradisional dengan masyarakat feudal di Eropah ?
[5 markah]
- (c) Pada pandangan anda, apakah iktibar Zaman Gelap di Eropah kepada generasi muda hari ini ?
[5 markah]

7. Rajah di bawah menerangkan tentang elemen yang membentuk Parlimen Malaysia.



- (a) Jelaskan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong. [8 markah]
- (b) Nyatakan ciri-ciri Dewan Negara dan Dewan Rakyat. [8 markah]
- (c) Berikan **empat** cadangan kepada generasi muda hari ini supaya mereka menjadi warganegara Malaysia yang berupaya mendaulatkan institusi Parlimen Malaysia. [4 markah]

8. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 telah memulakan babak baharu dalam sejarah negara Malaysia.

- (a) Terangkan faktor-faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [9 markah]
- (b) Mengapakah sebahagian besar daripada orang-orang Melayu menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ? [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi ke atas Tanah Melayu sekiranya Persekutuan Tanah Melayu 1948 tidak dibentuk? [5 markah]

9. Perang Dunia Pertama merupakan konflik antarabangsa yang besar pada awal abad ke-20.
- (a) Terangkan faktor-faktor yang telah mencetuskan Perang Dunia Pertama.
[8 markah]
- (b) Nyatakan kesan-kesan Perang Dunia Pertama ke atas tamadun manusia.
[7 markah]
- (c) *Andaikan anda menjadi pemimpin negara pada hari ini, berikan lima cadangan untuk mengelakkan berlakunya Perang Dunia Ketiga.*
[5 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT
1249/1
Sejarah
SEPT
2009
1 Jam



1249/1

JABATAN PELAJARAN MELAKA

Dengan kerjasama

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI MELAKA**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

(Lihat sebelah
1249/1

SULIT

16/05/2009. Hak cipta Jabatan Pelajaran Melaka


- 1 Tokoh berikut memainkan peranan penting dalam perkembangan Tamadun Mesir.

Tokoh	Peranan
Imhotep	Penasihat Firaun Djoser (3150 S.M)

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Mencipta teknologi tuas
 - B Penemuan kaedah tanaman
 - C Memperkenalkan tiang batu
 - D Penggunaan bata dalam binaan
- 2 Mengapakah peluang pendidikan semasa kerajaan Mesir Purba hanya diberikan kepada kanak-kanak daripada keluarga atasan sahaja?
- A Meningkatkan status bangsawan
 - B Melahirkan pegawai kerajaan
 - C Mementingkan pendidikan sempurna
 - D Menggalakkan golongan atasan belajar
- 3 Apakah persamaan sistem pemerintahan demokrasi Yunani dengan yang diamalkan di Malaysia hari ini?
- A Raja sebagai ketua kerajaan
 - B Dewan Rakyat meluluskan belanjawan
 - C Rakyat terlibat dalam pemerintahan negara
 - D Dewan Negara diterajui oleh Perdana Menteri

- 10 Rajah di bawah berkaitan dengan perlembagaan negara Madinah semasa pemerintahan kerajaan Islam.



Pada pendapat anda, mengapakah perlembagaan tersebut mempunyai fasal-fasal tertentu?

- A Menyusun masyarakat sistematik
- B Mendapatkan kerjasama rakyat
- C Melicinkan sistem pentadbiran
- D Menjadikan negara kuat

- 11 Apakah peranan Baitulhikmah yang ditubuhkan semasa pemerintahan kerajaan Bani Abbasiyyah?

- A Pusat pentadbiran
- B Pusat perdagangan
- C Pusat penterjemahan
- D Pusat penyelidikan

- 15 Konsep daulat dapat memantapkan institusi beraja semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Bagaimanakah konsep tersebut dikukuhkan?

- I Bahasa
- II Pakaian
- III Permainan
- IV Keturunan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

*Siakap senohong gelama ikan duri,
bercakap bohong lama-lama mencuri*

- 16 Apakah kepentingan pepatah tersebut dalam pendidikan tidak formal masyarakat Melayu tradisional ?

- A Mengkalkan sastera lisan
- B Mengajar membina pantun
- C Menerap unsur pengajaran
- D Menentukan bentuk hukuman

- 17 Ajaran Martin Luther dikenali sebagai mazhab Protestan yang berasal daripada perkataan *protesting* yang bermaksud membantah.

Apakah isu yang dibantah oleh beliau ?


- A Penyembahan keramat
- B Penumpuan alam akhirat
- C Sikap angkuh pihak gereja
- D Penjualan sijil indulgences

- 4 Negara kota Sparta di Yunani sangat menekankan aspek patriotik dalam kalangan rakyatnya.

Bagaimanakah semangat patriotik tersebut disemaikan?

- A Mementingkan aspek ketenteraan
- B Menjalankan dasar penaklukan
- C Menggunakan cara paksaan
- D Melalui sistem pendidikan

- 5 Senarai berikut merujuk kepada pelabuhan utama kerajaan awal di Asia Tenggara.



Apakah fungsi pelabuhan tersebut ?

- A Menjadi pusat pengumpulan hasil laut
 - B Menjalankan aktiviti membaiki kapal
 - C Menjalankan kegiatan perdagangan
 - D Membekal bahan berdasarkan logam
- 6 Apakah bukti yang menunjukkan masyarakat Kedah Tua menganuti agama Hindu dan kemudiannya beralih kepada agama Buddha ?
- A Majoriti masyarakatnya beragama Hindu dan Buddha
 - B Pengamalan kebudayaan berteraskan Hindu dan Buddha
 - C Penemuan wang syiling berunsur Hindu dan Buddha
 - D Kewujudan candi berunsur Hindu dan Buddha

- 12 Tokoh berikut memainkan peranan penting dalam pemerintahan kerajaan Turki Uthamaniyah.

* Mehmed al-Fanari
 * Molla Lutfi
 * Katip Celebi

Apakah persamaan sumbangan tokoh tersebut ?

- A Penulis ensiklopedia
- B Pengamal perundangan
- C Penasihat kerajaan
- D Pakar perubatan

- 13 Pernyataan berikut menerangkan tentang kedatangan Islam ke Asia Tenggara.

Batu mamar pada batu nisan di perkuburan
 Malik Ibrahim di Gerisik Jawa

Maklumat tersebut membuktikan bahawa Islam datang menerusi

- A China
- B India
- C Arab
- D Mesir


- 14 Maklumat berikut menerangkan perkembangan pendidikan Islam di Kepulauan Melayu.

- Pesantren
- Dayah
- Pondok

Apakah kepentingan institusi tersebut?

- A Tempat golongan raja menuntut ilmu
- B Tempat beribadat mengantikan masjid
- C Tempat mempelajari agama secara formal
- D Tempat persinggahan sementara para pendakwah


- 18 Rajah di bawah berkaitan dengan perkembangan di Eropah semasa Revolusi Pertanian.



Apakah kepentingan ciptaan alat tersebut?


- A Mempercepatkan penanaman biji benih
 - B Meningkatkan kuantiti hasil pengeluaran
 - C Meluaskan penggunaan baja asli
 - D Mengurangkan tenaga manusia
- 19 Apakah kesan pelaksanaan Akta Tanah Simpanan Melayu 1913 ke atas penduduk peribumi di Tanah Melayu?
- A Keselamatan harta individu terjamin
 - B Penerusan aktiviti pertanian tradisional
 - C Mendapat hak pengecualian cukai tanah
 - D Keluasan tanah milik kekal bertambah
- 20 Mengapa British berusaha untuk menghalang orang Melayu daripada terlibat dengan tanaman getah di Tanah Melayu pada kurun ke 20?
- I Menjimatkan perbelanjaan kerajaan
 - II Mengurangkan pengeluaran hasil
 - III Menjaga kepentingan peladang luar
 - IV Mengawal mutu hasil keluaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor-faktor imperialis Barat untuk menguasai Asia Tenggara pada kurun ke -19.



Apakah X ?

- A Pasaran sangat luas
 - B Kuasa beli penduduk tinggi
 - C Kewibawaan intelektual rakyat
 - D Pembolotan hasil kesusasteraan
- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan pentadbiran oleh Belanda di Indonesia .



Mengapa dewan tersebut gagal berfungsi dengan berkesan ?

- A Penglibatan rakyat tempatan terhad
- B Halangan sistem politik tradisional
- C Tentangan dari golongan agama
- D Pengabaian bidang kuasa perundangan

- 12 Tokoh berikut memainkan peranan penting dalam pemerintahan kerajaan Turki Uthamaniyah.

* Mehmed al-Fanari
 * Molla Lutfi
 * Katip Celebi

Apakah persamaan sumbangan tokoh tersebut ?

- A Penulis ensiklopedia
- B Pengamal perundangan
- C Penasihat kerajaan
- D Pakar perubatan

- 13 Pernyataan berikut menerangkan tentang kedatangan Islam ke Asia Tenggara.

Batu mamar pada batu nisan di perkuburan Malik Ibrahim di Gerisik Jawa

Maklumat tersebut membuktikan bahawa Islam datang menerusi

- A China
- B India
- C Arab
- D Mesir

- 14 Maklumat berikut menerangkan perkembangan pendidikan Islam di Kepulauan Melayu.

- Pesantren
- Dayah
- Pondok

Apakah kepentingan institusi tersebut?

- A Tempat golongan raja menuntut ilmu
- B Tempat beribadat mengantikan masjid
- C Tempat mempelajari agama secara formal
- D Tempat persinggahan sementara para pendakwah

- 23 Anda dapat di Indonesia, anak golongan priyayi diberikan pendidikan yang tersendiri dan diasingkan daripada anak orang kebanyakan.

Apakah kesan tindakan Belanda tersebut?

- A Menghakis amalan tradisi tempatan
- B Memecahkan perpaduan rakyat tempatan
- C Memelihara ekonomi pembesar tempatan
- D Mencetuskan gerakan nasionalisme tempatan

- 24 Apakah isu yang diutarakan dalam majalah berikut yang diterbitkan pada tahun 1930.

Majalah	Pengarang
Bulan Melayu	Zainon Sulaiman

- A Memajukan kesusateraan tempatan
- B Membaiki taraf hidup orang Melayu
- C Menggalakkan wanita mendapat pendidikan
- D Menghargai peninggalan warisan bangsa Melayu

- 25 Pada abad ke 19 telah lahir golongan orang Melayu yang mampu berfikir perkara-perkara berikut:

- Berfikir tentang kemajuan bangsa
- Menggunakan idea baru untuk merajukan bangsa
- Menolak penjajahan barat.

Bagaimanakah keadaan tersebut boleh terjadi ?

- A Pelaksanaan pendidikan Inggeris
- B Peningkatan taraf ekonomi rakyat
- C Inspirasi golongan bangsawan
- D Kemajuan prasarana

26

Count Camillo Benso di Cavour - Itali
 Otto Eduard von Bismarck - Jerman

Mengapa kedua-dua tokoh di atas dikenang dalam sejarah hingga kini ?

- A Memartabatkan raja
- B Menghalang perperangan
- C Membina empayar yang luas
- D Membentuk negara bangsa

27 Undang-undang berikut merupakan perlumbagaan bertulis pertama di Terengganu.

Perkara	Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu <i>[Ittiqan – ilmuluk bi – ta'dil il – suluk]</i>
Diperkenalkan oleh	Sultan Zainal Abidin

Apakah faedah yang diperolehi oleh kerajaan Terengganu daripada pengenalan undang-undang bertulis tersebut ?

- A Mengkalkan amalan demokrasi
- B Menjamin kemajuan ekonomi negara
- C Membentuk masyarakat yang bersatu
- D Menghalang perluasan kuasa British

28

SISTEM JEMAAH MENTERI KELANTAN	
JAWATAN	TUGAS
Jemaah Penasihat Raja	X

Penubuhan Jemaah Menteri di atas membuktikan bahawa Kelantan sudah mempunyai sistem pentadbiran yang mantap .

Apakah X ?

- A Mengendalikan harta benda
- B Menguruskan pertahanan negeri
- C Mengurus perkara bukan rahsia
- D Mengendalikan istiadat rasmi negara

29 Mengapa ketiga-tiga tokoh berikut menentang Malayan Union yang diperkenalkan di Tanah Melayu pada tahun 1946 ?

Sir Cecil Clementi	Sir George Maxwell	Sir Frank Swettenham
--------------------	--------------------	----------------------

- A Penyingkiran dalam rundingan
- B Penglibatan golongan imigran
- C Penolakan dasar menakluk
- D Penafian hak minoriti

30


8 Februari 1946
Pengistiharan penyerahan Sarawak kepada British dibuat oleh Vyner Brooke

Apakah kesan yang akan diterima oleh rakyat Sarawak melalui perisytiharan tersebut ?

- A Pemantapan politik tempatan
- B Melambatkan kemerdekaan
- C Meminggirkkan golongan pembesar
- D Pembelaan kaum peribumi

- 31 Mengapakah pengenalan Sistem Ahli di Tanah Melayu pada tahun 1951 tidak ditentang oleh rakyat ?
- A Membela kaum Melayu
 - B Mengawal golongan imigran
 - C Menghalang penjajahan British
 - D Mewujudkan perpaduan
- 32 Apakah kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 kepada penduduk tempatan ?
- A Hak mutlak pentadbiran
 - B Penyingkiran golongan imigran
 - C Pengagihan kuasa memerintah
 - D Hargai prinsip kerakyatan
- 33 Mengapakah Lee Kuan Yew mendesak British menggabungkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu ?.
- A Kemenangan dalam pilihanraya
 - B Perkembangan pengaruh komunis
 - C Rancangan untuk membentuk kerajaan
 - D Harapan untuk mengawal pemerintahan

- 34 Rajah berikut menerangkan tentang peranan Jawatankuasa Perpaduan Kaum [JPPK] yang ditubuhkan di Singapura pada Julai 1961.



Apakah sumbangan jawatankuasa tersebut ?

- A Langkah pembentukan Malaysia
 - B Permulaan hubungan politik serantau
 - C Penglibatan rakyat dalam pemerintahan
 - D Latihan awal pentadbiran demokrasi
- 35 En Abu telah dilantik menjadi Ahli Dewan Negara yang digelar Senator. Apakah keistimewaan yang diperolehi beliau
- I Setaraf dengan Ahli Parlimen
 - II Mengetuai sesebuah kementerian
 - III Memegang jawatan selama sepuluh tahun
 - IV Boleh dilantik sebagai Jemaah Menteri
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 36 Semua hakim dilantik oleh Yang Dipertuan Agong dengan nasihat Perdana Menteri.

Mengapakah hakim tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam politik ?.

- A Kekangan jangka masa bertugas
- B Pertindanan bidang kuasa yang ada
- C Jaminan kesaksamaan undang-undang
- D Keutamaan keselamatan peribadi

- 37 Apakah sebab pencapaian Rancangan Malaya Pertama[1956-1960] kurang memberansangkan ?

- A Penafian peranan golongan imigran
- B Halangan pemerintahan British
- C Menerima ancaman komunis
- D Mengalami masalah teknikal

38.

Dasar Kependudukan

Dikemukakan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 29 Mac
1984.

Mengapakah dasar tersebut bermatlamat ingin mencapai sasaran 70 juta penduduk pada tahun 2100 ?

- A Peningkatan pendapatan individu
- B Perluasan pasaran barang
- C Persaingan dengan negara jiran
- D Pertambahan peluang pekerjaan

39 Mengapakah Negara-negara Dunia Ketiga menjadi rebutan dua kuasa besar berikut selepas perang Dunia Kedua?

- Amerika Syarikat
- Soviet Union

- A Perluasan pengaruh
- B Pertindihan ideologi
- C Pembinaan identiti
- D Penguasaan tenaga

40 Senarai berikut merupakan antara negara -negara Islam kurang maju.

Sudan

Nigeria

Chad

Apakah bantuan yang diperolehi oleh negara-negara Islam tersebut daripada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ?

- A Kumpulan perubatan moden
- B Memasarkan bahan mentah
- C Pasukan tentera pengaman
- D Pembinaan pusat pendidikan

JAWAPAN SOALAN PERCUBAAN SPM 2009 Sejarah [1249/1]– KERTAS 1

No Soalan	Jawapan	Tingkatan	Bab	Ms
1	D	4	1	21
2	A	4	1	22
3	C	4	2	43
4	B	4	2	62
5	D	4	3	79
6	D	4	3	81
7	A	4	4	99
8	B	4	4	106
9	D	4	5	122
10	B	4	5	128
11	C	4	6	156
12	A	4	6	161
13	B	4	7	180
14	C	4	7	184
15	A	4	8	198
16	C	4	8	201
17	D	4	9	221
18	A	4	9	229
19	B	4	10	260-261
20	C	4	10	261
21	A	5	1	5
22	D	5	1	9
23	B	5	1	16
24	C	5	2	52
25	A	5	2	46
26	D	5	3	68 & 69
27	D	5	3	84
28	C	5	3	84
29	C	5	4	103
30	B	5	4	110
31	D	5	5	117
32	A	5	5	130
33	B	5	6	139
34	A	5	6	149
35	B	5	7	172
36	C	5	7	176
37	C	5	8	199
38	B	5	8	209
39	A	5	9	235
40	B	5	9	251

1249/2
Sejarah
SEPTEMBER
2009
2½ jam



JABATAN PELAJARAN MELAKA
Dengan kerjasama
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009
SEJARAH Kertas 2 (2½ jam)

PERATURAN PEMARXAHAN

KERTAS 2

Kertas jawapan ini mengandungi 19 halaman bercetak

(Lihat sebelah
SULIT

**PERATURAN PEMARKAHAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI MELAKA
2009**

1. Pernyataan di bawah menerangkan tentang tamadun Indus.

Pencapaian tamadun Indus yang paling istimewa ialah kemampuan mereka membina bandar terancang.

- a. Berikan nama **DUA** buah bandar terancang yang telah wujud di sana.

Soalan	Butiran	Markah
4(a)	F1 – Mohenjo Daro	1
	F2 – Harappa	1
	F3 – Lothal	1
	F4 – Sutkagen Dor	1
	F5 - Makan	1

[Mak 2 m]

- b. Nyatakan **DUA** ciri bandar terancang tersebut.

Soalan	Butiran	Markah
4(b)	F1 – Bandar dibahagi kepada dua bahagian	1
	F2 – Dikelilingi oleh tembok	1
	F3 – Bahagian utama menempatkan pusat pentadbiran/ keagamaan/ tempat mandi awam/ tempat penyimpanan hasil pertanian	1
	F4 – Bahagian kedua kawasan perumahan	1
	F5 – Disusun berdasarkan blok-blok berbentuk segi empat	1
	F6 – Setiap blok dipisahkan oleh rangkaian jalan raya yang lurus	1
	F7 – Jalan raya bersambung antara satu sama lain	1
	F8 – Mempunyai sistem kumbahan	1
	F9 – Bandar juga dihubungkan dengan sungai sebagai jalan perhubungan	1
	F10 – Menggunakan batu bata untuk membuat rumah	1

[Mak 2 m]

- c. Apakah ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakat Indus bagi membolehkan mereka membina bandar terancang ?

Soalan	Butiran	Markah
4(c)	F1 – Ilmu geometri	1
	F2 – Kesenian	1
	F3 – Matematik	1
	F4 – Teknologi pembakaran batu bata	1

[Mak 2 m]

d. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah faktor yang membolehkan masyarakat Indus membina bandar terancang ?

Soalan	Butiran	Markah
4(d)	F1 – Mempunyai ilmu pengetahuan tentang geometri	1
	F2 – Kemampuan meningkatkan mutu bahan binaan	1
	F3 – Melakukan teknologi pembakaran batu bata	1
	F4 – Memiliki ilmu kesenian	1
	F5 – Memiliki ilmu matematik	1
	F6 – Pengetahuan daripada perhubungan luas dengan Mesopotamia dan Mesi	1
	F7 – Sifat keterbukaan masyarakat Indus	1

[Mak 2 m]

e. Adakah kawasan tempat tinggal anda sebuah kawasan petempatan terancang?

Berikan alasan-alasan anda.

Terancang.

Soalan	Butiran	Markah
4(e)	F1 – Bangunan tersusun	1
	F2 – Jalan raya lurus dan tersusun	1
	F3 – Mempunyai sistem peparitan yang sistematik	1
	F4 – Kawasan perumahan dan kilang telah dikhaskan	1
	F5 – Setiap pembinaan bangunan mesti diluluskan oleh pihak berwajib	1
	F6 – Sistem pembetungan dan perkumuhan yang sempurna	1
	F7 – Kemudahan infrastruktur yang kemas kini	1
	F8 – Penguatkuasaan oleh pihak berwajib	1
	F9 – Mana-mana jawapan yang munasabah	1

[Mak 2 m]

Tidak Terancang.

Soalan	Butiran	Markah
4(e)	F1 – Bangunan berserabut	1
	F2 – Jalan raya daif dan tidak tersusun	1
	F3 – Tidak mempunyai sistem peparitan yang sistematik	1
	F4 – Kawasan perumahan dan kilang bercampur	1
	F5 – Setiap pembinaan bangunan tidak perlu mendapat kelulusan oleh pihak berwajib	1
	F6 – Sistem pembetungan dan perkumuhan yang tidak sempurna	1
	F7 – Kemudahan infrastruktur yang lemah	1
	F8 – Penguatkuasaan oleh pihak berwajib yang longgar	1
	F9 – Mana-mana jawapan yang munasabah	1

[Mak 2 m]

Soalan	Butiran	Markah
2. a	(i) Muawiyah bin Abu Sufyan (ii) Abdul Rahman al-Dakhil/ Abdul Rahman 1	1 1
		[2 markah]

Soalan	Butiran	Markah
2. b	(i) Sistem Khalifah (ii) Sistem Wazarah/Perlantikan Wazir (iii) Sistem Urus setia (iv) Sistem Hijabah (v) Penubuhan empat buah jabatan - Jabatan Cukai/jabatan Surat Menyurat/Jabatan Urusan Am/ Jabatan Urusan Cap Mohor pemerintah.	1 1 1 1 1
		[2 markah]

Soalan	Butiran	Markah
2. c	(i) Al-Quran (ii) Sunah (iii) Ijtihad (iv) Ijmak (v) Tidak mempengaruhi mana2 pihak (vi) Bebas (vii) Adil	1 1 1 1 1 1 1
		[2 markah]

Soalan	Butiran	Markah
2. e	(i) Pemerintah yang berwibawa (ii) Rakyat yg taat setia (iii) Rakyat yang berpengetahuan (iv) Mempunyai teknologi (v) Kemajuan dalam sains (vi) Kemajuan ICT Mana-mana yang munasabah	1 1 1 1 1 1 1
		[2 markah]

3. Pernyataan berikut menerangkan tentang nasionalisme di Asia Tenggara.

Perkembangan nasionalisme di Filipina berlaku paling awal di Asia Tenggara.

- (a) Senaraikan **dua** tokoh nasionalis di Filipina.

Kod	Butiran	Markah
F1	Jose Rizal	1
F2	Andres Bonifacio	1
F3	Emilio Aguinaldo	1
F4	Sergio Osmena	1
Mana-mana 4 x 1 m		[2 m]

- (b) Berikan **dua** tuntutan yang diperjuangkan oleh nasionalis tahap pertama di Filipina.

Kod	Butiran	Markah
F1	Filipina dijadikan wilayah Sepanyol	1
F2	Bangsa Filipina diberikan hak yang sama seperti yang diperoleh bangsa Sepanyol	1
F3	Bangsa Filipina diberikan kebebasan bersuara	1
F4	Mendesak kerajaan Sepanyol melakukan pembaharuan politik, ekonomi dan sosial	1
Mana-mana 4 x 1 m		[2 m]

- (c) Nyatakan **dua** tindakan yang telah diambil oleh pihak Sepanyol bagi menangani gerakan nasionalisme di Filipina ?

Kod	Butiran	Markah
F1	Menangkap Jose Rizal	1
F2	Dibuang negeri ke Dapitan, Mindanao	1
F3	Jose Rizal dikenakan hukuman bunuh	1
F4	Memerangi gerakan nasionalisme	1
Mana-mana 4 x 1 m		[2 m]

- (d) Nyatakan ciri-ciri perjuangan Katipunan.

Kod	Butiran	Markah
F1	Ditubuhkan oleh Andres Bonifacio	1
F2	Memulakan gerakan radikal terhadap Sepanyol	1
F3	Matlamatnya untuk menyatukan bangsa Filipina	1
F4	Bertujuan mencapai kemerdekaan melalui revolusi	1
F5	Menjadikan Kalayan sebagai akhbar rasmi pertubuhan	1
F6	1896 melancarkan pemberontakan /revolusi tetapi gagal	1
F7	Menjadi lemah selepas Bonifacio dijatuhkan hukuman bunuh	1
F8	Dipimpin oleh Aguinaldo	1

F9

Aguinaldo mengadakan kerjasama dengan Amerika Syarikat
Mana-mana 9 x 1 m

[2 m]

- (e) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah pejuang-pejuang nasionalis bercorak radikal berjaya ditangani oleh pihak penjajah ?

Kod	Butiran	Markah
F1	Memiliki pengetahuan dan strategi perang yang lebih moden	1
F2	Memiliki peralatan persenjataan yang moden	1
F3	Memiliki tentera moden dan terlatih	1
F4	Mengamalkan dasar pecah dan perintah	1
F5	Menggunakan undang-undang yang tegas	1
F6	Penduduk tempatan tidak bersatu-padu	1
F7	Pemimpin tidak bekerjasama dan berbalah sesama sendiri	1
F8	Perjuangan tidak bersifat menyeluruh	1
F9	Medium propaganda tidak sampai ke akar umbi	1
F10	Masih ramai rakyat yang buta huruf	1
F11	Mana-mana jawapan yang munasabah Mana-mana 11 x 1 m	1
		[2 m]

4. Pernyataan di bawah berkaitan Wawasan 2020.

Wawasan 2020 merupakan agenda nasional dalam menghadapi cabaran dan persaingan dunia sejagat.

- (a) Namakan tokoh yang mencetuskan idea tersebut.

Kod	Butiran	Markah
F1	Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad 1 x 1 m	1
	[1 m]	

- (b) Nyatakan **dua** matlamat Wawasan 2020

Kod	Butiran	Markah
F1	Menjadikan Malaysia sebuah negara industri yang maju	1
F2	Menggunakan acuan sendiri	1
F3	Setanding dengan negara maju yang lain	1
F4	Kemajuan yang diharapkan bukan hanya kemajuan dari segi fizikal semata-mata	1
F5	Kemajuan yang ingin dicapai ialah kemajuan bersepadu Mana-mana 5 x 1 m	1 [2 m]

(c) Senaraikan **tiga** daripada sembilan cabaran yang terdapat dalam wawasan itu.

Kod	Butiran	Markah
F1	Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu	1
F2	Membina masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan	1
F3	Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang	1
F4	Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika	1
F5	Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi	1
F6	Membina masyarakat yang maju dan saintifik	1
F7	Mewujudkan masyarakat yang berjiwa penyayang	1
F8	Menjamin masyarakat yang adil dan saksama ekonominya	1
F9	Memupuk dan membina masyarakat makmur	1
Mana-mana 9 x 1 m		[3 m]

(d) Pada pendapat anda, apakah kekangan yang dihadapi oleh kerajaan dalam menjayakan Wawasan 2020 itu ?

Kod	Butiran	Markah
F1	Masalah polarisasi kaum / perkauman	1
F2	Mewujudkan identiti Malaysia	1
F3	Menyemai perasaan Malaysia Boleh	1
F4	Masalah masyarakat yang berfikiran sempit / tidak terbuka	1
F5	Menangkis gejala sosial dari Barat	1
F6	Masalah keruntuhan akhlak seperti buang bayi / bohsia /rempit / dadah /	1
F7	Masalah buta huruf	1
F8	Mewujudkan masalah celik ICT	1
F9	Mewujudkan budaya bersaing di peringkat global tapi akar bertunjangkan negara sendiri (glokal)	1
F10	Mewujudkan masyarakat yang mencintai ilmu pengetahuan	1
F11	Melahirkan budaya mencipta	1
F12	Menekankan kepentingan agama dalam kehidupan	1
F13	Masalah tidak menghormati generasi tua	1
F14	Masalah minda kelas ketiga	1
F15	Masalah merosakkan harta awam	1
F16	Mengagihkankekayaan negara secara adil	1
F17	Meninggikan taraf hidup dan kualiti hidup rakyat	1
F18	Membasmi kemiskinan /kemiskinan sifar	1
F19	Meningkatkan pendapatan penduduk / negara	1
F20	Mana-mana jawapan yang munasabah	1
Mana-mana 21 x 1 m		[2 m]

(e) Sebagai pelajar, bagaimanakah anda merealisasikan Wawasan 2020 ?

Kod	Butiran	Markah
F1	Menuntut ilmu pengetahuan	1
F2	Mendalami ilmu ICT	1
F3	Mempelajari Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris	1
F4	Mempelajari pelbagai bahasa asing	1
F5	Mengamalkan perpaduan antara kaum	1
F6	Bersikap boleh bertolak ansur / tidak mementingkan diri	1
F7	Memiliki moral yang baik	1
F8	Mengamalkan sikap penyayang tanpa mengira kaum	1
F9	Menjauhi gejala tidak sihat / negatif	1
F0	Patuh kepada ajaran agama	1
F11	Menghormati nilai tradisi budaya bangsa	1
F12	Menerapkan semangat Malaysia boleh dalam diri	1
F13	Mengikuti peraturan dan undang-undang sekolah dan negara	1
F14	Mana-mana jawapan yang munasabah	1
	Mana-mana 14 x 1 m	[2 m]

SOALAN	BUTIRAN	MARKAH
5.	<p>(a) Nyatakan pengertian hijrah.</p> <p>F1 - Berasal daripada perkataan Arab iaitu berpindah F2 - Perpindahan dari satu tempat ke saiu tempat yang lain. F3 - Perpindahan orang Islam dari kota Makkah ke kota Madinah F4 - Perjuangan untuk memperkuuhkan Islam. F5 - Merupakan strategi baru untuk menyebarkan Islam. F6 - Perjuangan untuk menegakkan kebenaran dan meninggalkan keburukan dan kejahatan. F7 - Semangat ingin berubah dalam pelbagai keadaan F8 - Perubahan dari segi sikap F9 - Perubahan dari segi cara berfikir F10 - Perubahan dari segi tingkah laku F11 - Bukan pelarian seperti pandangan orientalis Barat</p> <p>Mana-mana 5 X 1m</p>	[5 m]

	(b) Terangkan kepentingan hijrah kepada umat Islam.	
F1	- Dakwah Islamiah	1
H1a	- dapat dilaksanakan dengan aman tanpa selindung	1
H1b	- sedangkan di Makkah seruan terhadap Islam sering Terganggu	1
F2	- Mendamaikan suku Arab di Madinah	1
H2a	- yang sering bersengketa khususnya suku Aus dan Khazraj	1
H2b	- melalui semangat persaudaraan sesama Islam	1
F3	- Menjalinkan hubungan persaudaraan antara orang Islam Makkah dengan orang Islam Madinah	1
H3a	- Orang Islam Makkah yang berhijrah tidak berasa asing atau rendah diri di Madinah	1
H3b	- menyatukan golongan ini yang sebelumnya mempunyai perbezaan dari segi kedudukan ekonomi dan sosial	1
H3c	- Nabi Muhammad telah memberika . gelaran Muhajirin kepada orang Islam Makkah yang berhijrah ke Madinah	1
H3d	- gelaran Ansar kepada orang Islam Madinah	1
F4	- Menyatukan penduduk Madinah	1
H4a	- yang terdiri daripada pelbagai suku, budaya dan Agama	1
H4b	- Ini melahirkan kehidupan yang harmoni di Madinah	1
H4c	- Dengan ini masyarakat Madinah dapat menjalankan kegiatan ekonomi dan agama	1
F5	- Membina sebuah masjid	1
H5a	- iaitu Masji al-Nabawi	1
H5b	- Masjid Quba merupakan masjid pertama	1
H5c	- Masjid dijadikan sebagai tempat untuk beribadat, belajar, tempat bertemu dan berbincang masalah,kawasan persekitaran masjid diadakan aktiviti harian seperti jual beli	1
F6	- Wujud takwim Islam	1
H6a	- Berdasarkan kiraan tahun Hijrah	1
H6b	- Takwim ini digunakan ketika Khalifah Umar al-Khattab	1

F7	- menubuhkan sebuah negara Islam Madinan	1
H7a	- menukarkan nama Yathrib kepada Madinah al- Munawwarah	1
H7b	- Menjadikan Madinah sebagai pusat tamadun Islam	1
F8	- Menunjukkan sikap toleransi kaum dan tolong-menolong	1
H8a	- Orang Madinah memberikan bantuan yang besar kepada orang Islam Makkah yang berhijrah	1
H8b	- Mereka sanggup memberikan tempat tinggal, makanan, keperluan asas	1
H8c	- menerima orang Islam Makkah sebagai saudara dan sebahagian daripada masyarakat Madinah	1
F9	- Pengorbanan sahabat-sahabat Nabi Muhammad s.a.w.	1
H9a	- Abu Bakar al-Siddiq sanggup bergadai nyawa dan harta	1
H9b	- Ali bin Abu Talib sanggup tidur di tempat tidur Baginda	1
H9c	- Abdul Rahman bin Auf beri sumbangan harta	1
F10	- Menunjukkan peranan wanita	1
H10a	- Asmah binti Abu Bakar membantu perjuangan Nabi Muhammad s.a.w.	1
H10b	- Menghantar makanan	1
H10c	- menyampaikan berita tentang pergerakan Quraisy	1
F11	- Menunjukkan ketabahan hati dan kebesaran jiwa Nabi Muhammad s.a.w.	1
H11a	- Baginda sanggup berkurban dan meninggalkan kesenangan hidup	1
H11b	- Tidak pernah berputus asa	1
H11c	- Bijak mengatur strategi peperangan	1
H11d	- Bersembunyi di Gua Thur dan cari jalan lain ke Madinah	1
Mana-mana 10 X 1m		[10 m]

6.

- (c) Berikan beberapa contoh, yang menunjukkan konsep hijrah boleh diamalkan oleh pelajar untuk mencapai kecemerlangan diri dalam kehidupan sehari-hari.
- | | | |
|----|---|---|
| F1 | - Perubahan sikap dan tingkah laku negatif kepada yang positif | 1 |
| F2 | - Perubahan dari tidak berdisiplin kepada berdisiplin | 1 |
| F3 | - Perubahan dari sifat malas kepada rajin berusaha | 1 |
| F4 | - Sikap suka melanggar undang-undang kepada akur kepada undang-undang | 1 |
| F5 | - Sikap mementingkan diri sendiri berubah kepada sikap bantu-membantu | 1 |
| F6 | - Sikap suka bertangguh kerja berubah kepada menghargai masa. | 1 |
| F7 | - Tidak menghormati orang tua kepada menghormati orang tua | 1 |
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)

Mana-mana 5 X 1m


[5 m]

- (a) Jelaskan ciri-ciri Zaman Gelap di Eropah.

- | | | |
|-----|--|---|
| F1 | - Kemerosotan dalam bidang ilmu pengetahuan | 1 |
| F2 | - Gereja katolik institusi amat berkuasa, kongkong masyarakat | 1 |
| F3 | - Gereja memiliki harta tanah yang banyak | 1 |
| F4 | - Institusi gereja memberikan fokus kepada kegiatan agama , ilmu akhirat | 1 |
| F5 | - Tiada pentadbiran pusat yang berkesan | 1 |
| F6 | - Kemunculan golongan baron / tuan tanah | 1 |
| F7 | - Golongan petani mencari perlindungan daripada tuan tanah | 1 |
| F8 | - Petani terpaksa membayar cukai yang tinggi kepada tuan tanah | 1 |
| F9 | - Petani yang tidak berkemampuan menyerahkan tanah | 1 |
| F10 | - Terpaksalah mereka menjadi hamba | 1 |
| F11 | - Tuan tanah pula mendapatkan perlindungan daripada raja | 1 |
| F12 | - Tuan tanah memberikan khidmat / cukai kepada raja | 1 |
| F13 | - Kegiatan ekonomi terhad, tumpuar kepada pertanian | 1 |
| F14 | - Kegiatan perdagangan tidak meluas | 1 |
| F15 | - Perdagangan diganggu oleh serangan orang gasar seperti Viking dan Magyar | 1 |
| F16 | - Kawasan Meditteranean pula dikuasai oleh orang | 1 |

	<p style="text-align: center;">Islam</p> <p>F17 - Perniagaan barang pertanian dikendalikan menerusi sistem tukaran barang / barter</p> <p>F18 - Penggunaan mata wang terhad</p> <p>F19 - Kemerosotan kehidupan bandar</p>	1 1 1
	Mana-mana 10 X 1m	[10 m]
	(b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah persamaan masyarakat Melayu tradisional dengan masyarakat feudal di Eropah ?	
F1	- Raja penaung utama dalam negara	1
F2	- Raja memiliki tanah di negeri masing-masing secara mutlak	1
F3	- Raja dibantu oleh golongan pembesar	1
F4	- Golongan pembesar dapat naungan dari istana	1
F5	- Pembesar perlu beri khidmat kepada raja	1
F6	- Rakyat biasa beri khidmat kepada pembesar / tuan tanah	1
F7	- Terdapat rakyat yang tergolong hamba	1
F8	- Rakyat taat kepada raja	1
F9	- Rakyat melakukan kerahan tenaga, gotong-royong kepada raja	1
	(mana-mana jawapan yang munasabah)	
	Mana-mana 5 X 1m	[5 m]
	(c) Pada pandangan anda, apakah iktibar zaman gelap di Eropah kepada generasi muda hari ini ?	
F1	- Perlu mementingkan ilmu pengetahuan	1
F2	- Mewujudkan kestabilan politik	1
F3	- Perlukan kerajaan yang kukuh	1
F4	- Memajukan ekonomi	1
F5	- Sikap cinta akan keamanan	1
F6	- Jangan ada sikap taklid / perlu ingin tahu	1
F7	- Perlu kreatif dan inovatif	1
F8	- Meneroka perkara baru dalam bidang baru	1
F9	- Taat dan setia kepada raja dan negara	1
	(mana-mana jawapan yang munasabah)	[5 m]
	Mana-mana 5 X 1m	

- 7 Rajah di bawah menerangkan tentang elemen yang membentuk Parlimen Malaysia.



- a. Jelaskan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Kod	Butiran	Markah
F1	Ketua negara	1
F2	Mengetuai badan legislatif / badan eksekutif / badan kehakiman	1
F3	Satu daripada unsur parlimen	1
F4	Berkuasa memanggil parlimen bersidang	1
F5	Berkuasa membubarkan parlimen	1
F6	Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata	1
F7	Berkuasa mengampunkan sesuatu hukuman yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera	1
F8	Berkuasa menangguhkan sesuatu hukuman yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera	1
F9	Menjaga dan memelihara hak istimewa orang-orang Melayu	1
F10	Berkuasa menitahkan Majlis Raja-Raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan keistemewaan / kedudukan / kehormatan / kemuliaan Raja-Raja Melayu	1
F11	Ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri / Pulau Pinang / Melaka / Wilayah Persekutuan / Sabah / Sarawak	1
F12	Mempunyai budi bicara dalam melantik Perdana Menteri	1
F13	Mempunyai kuasa melantik Jemaah Menteri dan Timbaalan Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri	1
F14	Berkuasa melucutkan jawatan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri	1
F15	Berkuasa mengisyiharkan Undang-undang Darurat jika mendapati keselamatan negara terancam	1
F16	Berkuasa melantik Pengerusi dan tiga orang ahli Suruhanjaya Pilihan Raya	1
F17	Berkuasa melantik ahli Perkhidmatan Kehakiman	1
F18	Berkuasa melantik Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	1
F19	Berkuasa melantik Peguam Negara	1

F20	Berkuasa melantik Ketua Audit Negara		
F21	Berkuasa mentauliahkan duta-duta negara		
	Mana-mana 21 x 1 m	1	[8 m]

b. Nyatakan ciri-ciri Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Kod	Butiran	Markah
	Dewan Negara	
F1	Juga dikenali sebagai Senat	1
F2	Merupakan dewan tertinggi	1
F3	Mengandungi seramai 69 ahli	1
F4	Ahlinya digelar Senator	1
F5	Mewakili setiap negeri	1
F6	Dilantik tanpa melalui pertandingan dalam pilihan raya	1
F7	Memegang jawaatan bagi tempoh tiga tahun dalam satu penggal	1
F8	Mesti berumur sekurang-kurangnya 30 tahun	1
F9	Tarafnya sama dengan Ahli Parlimen	1
F0	Boleh dilantik menjadi ahli Jemaah Menteri	1
F11	Keahlian dalam Dewan negara dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong	1
F12	Ahlinya telah memberi sumbangan yang cemerlang dalam perkhidmatan awam / bidang profesional / perniagaan / perusahaan / pertanian / kesenian / kebajikan / mewakili sesuatu kumpulan minoriti	1
F13	26 ahli dipilih daripada 13 buah negeri	1
F14	Dua orang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong mewakili Wilayah persekutuan	1
F15	40 orang ahli dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dari kalangan individu yang cemerlang dalam bidang profesional	1
	Dewan Rakyat	
F16	Merupakan dewan terpenting	1
F17	Ahli dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya	1
F18	Mengandungi 219 ahli	1
F19	Mewakili semua kawasan pilihan raya di seluruh negara	1
F20	Tempoh perkhidmatan selama 5 tahun	1
F21	Tugas utamanya menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat	1
	Mana-mana 21 x 1 m	
		[8m]

- (c) Berikan **empat** cadangan kepada generasi muda hari ini supaya mereka menjadi warganegara Malaysia yang berupaya mendaulatkan Parlimen Malaysia.

Kod	Butiran	Markah
F1	Menjadi manusia berilmu pengetahuan	1
F2	Patuh kepada undang-undang negara	1
F3	Setia kepada raja dan negara	1
F4	Memperkasa perpaduan kaum	1
F5	Mendaftar diri sebagai pemilih apabila cukup umur	1
F6	Menunaikan tanggungjawab sebagai pemilih	1
F7	Tidak terlibat dalam demonstrasi jalanan	1
F8	Tidak menulis dalam blog mencerca sistem parlimen di Malaysia	1
F9	Tidak menghina institusi beraja dalam negara	1
F10	Mana-mana jawapan yang munasabah	1
Mana-mana 10 x 1 m		
		[4m]

8. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 telah memulakan babak baharu dalam sejarah negara Malaysia.

(a) Terangkan faktor-faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

[9 markah]

Kod	Butiran	Markah
F1	Ketegasan orang Melayu membantah Malayan Union	1
H1a	Diterajui UMNO di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar	1
F2	Perpaduan dalam kalangan orang Melayu	1
H2a	Daripada kalangan rakyat / UMNO dengan raja	1
H2b	Berjaya memujuk / mendesak British menghidupkan semula dasar perlindungan	1
F3	Sokongan daripada bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu	1
H3a	Antaranya Sir Frank Swettenham / R.O. Winstedt / George Maxwell / Cecil Clementi	1
H3b	Mereka menolak dasar penaklukan	1
F4	Sokongan daripada pegawai-pegawai tinggi British	1
H4a	Antaranya Malcolm MacDonald / Edward Gent / L.D. Gammans	1
F5	Sikap politik orang Melayu yang sederhana	1
H5a	Orang Melayu hanya menulis dalam akhbar / berdemonstrasi / berkongres / memujuk Raja-Raja Melayu	1
F6	UMNO dan Raja-Raja Melayu hanya menuntut rundingan	1

H6a	untuk menolak Malayan Union	
F7	Mereka tidak menuntut kemerdekaan Gesaan Piagam Atlantik 1945 yang dikeluarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	1 1
H7a	Tidak menggalakkan penjajahan baru	1
H7b	Menggalakkan latihan berkerajaan sendiri diberikan kepada penduduk tempatan	1
	Mana-mana 17 x 1 m	[9 m]

(b) Mengapakah sebahagian besar daripada orang-orang Melayu menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ?

[6 markah]

Kod	Butiran	Markah
F1	Dasar penjajahan / penaklukan dimansuhkan	1
F2	Dasar perlindungan ke atas Negeri-negeri Melayu dipulihkan / pemerintahan secara tidak langsung	1
F3	Konsep Persekutuan sebagai mana yang diamalkan oleh Negeri-Negeri Melayu Bersekutu diterima	1
F4	Dasar kerakyatan secara terbuka/ jus soli dimansuhkan	1
F5	Dasar perlindungan terhadap orang Melayu dipulihkan	1
F6	Kedaulatan Raja-Raja Melayu dipulihkan seperti sebelum Perang Dunia Kedua	1
F7	Kerajaan British mengiktiraf orang Melayu sebagai penduduk asal negara ini	1
F8	Syarat kerakyatan telah diketatkan	1
F9	Konsep Raja Berperlembagaan telah diwujudkan	1
F10	Perkongsian kuasa antara Pesuruhjaya Tinggi dengan Majlis Raja-Raja Melayu di peringkat pusat	1
F11	Sultan menjadi ketua negeri	1
F12	Sultan berkuasa melantik Menteri Besar sebagai ketua pentadbir negeri	1
F13	Mewujudkan sistem pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan negeri	1
F14	Agama Islam terpelihara	1
F15	Adat-istiadat Melayu sebagai teras ketuanan bangsa Melayu	1
F16	Taraf bahasa Melayu dipertingkatkan sebagai bahasa rasmi, bersama-sama bahasa Inggeris	1
	Mana-mana 16 x 1 m	[6 m]

H1d	tanah jajahan Nasinalisme yang kuat menyebabkan kuasa-kuasa besar sanggup berperang bagi membuktikan kekuasaan	1
H1e	Wujud imperialisme baru di Eropah	1
F2	Wujud pakatan negara-negara di Eropah	1
H2a	Perikatan Kuasa Tengah terdiri daripada Jerman / Austria-Hungary / Itali	1
H2b	Kemudiannya disertai Turki / Bulgaria	1
H2c	Pakatan Bertiga terdiri daripada Britain / Perancis / Rusia	1
H2d	Kemudiannya disertai Itali dan Jepun	1
H2e	Persaingan antara keduanya mengancam perimbangan kuasa di dunia	1
F3	Persaingan kuasa-kuasa besar merebut peluang ekonomi	1
H3a	Mereka bersaing untuk mendapatkan bahan mentah	1
H3b	Untuk memasarkan barang keluaran mereka	1
F4	Faktor semesta ialah peristiwa pembunuhan Arhduke Franz Ferdinand	1
H4a	Pewaris takhta Austria-Hungary dan isteri telah dibunuh oleh seorang pengganas Serbia	1
Mana-mana 17 x 1 m		[8 m]

- (b) Nyatakan kesan-kesan Perang Dunia Pertama ke atas tamadun manusia.
[7 markah]

Kod	Butiran	Markah
F1	Menamatkan pemerintahan beraja di Eropah	1
F2	Pemeteraian Perjanjian Versailles	1
F3	Pembentukan beberapa negara baru	1
F4	Pembentukan Liga Bangsa	1
F5	Negara-negara yang berperang mengalami inflasi	1
F6	Mengalami hutang peperangan yang besar	1
F7	Melakukan perbelanjaan perang yang besar	1
F8	Masalah pengangguran	1
F9	Pasaran dunia diambilalih oleh Amerika Syarikat dan Jepun	1
F10	Penguasaan ekonomi dunia oleh Britain berakhir	1
F11	Britain kehilangan satu pertiga daripada perdagangan luarnya	1
F12	Kehilangan nyawa yang begitu banyak	1
F13	Kemusnahaan harta benda	1
F14	Kehidupan sosial tergugat	1
Mana-mana 14 x 1 m		[8 m]

- c. Andaikan anda menjadi pemimpin negara pada hari ini, berikan lima cadangan untuk mengelakkan berlakunya Perang Dunia Ketiga.

[5 markah]

Kod	Butiran	Markah
F1	Meminta PBB distruktur semula	1
F2	Kuasa veto / pembatal kuasa besar ditiadakan	1
F3	Tiada lagi negara yang boleh dianggap sebagai kuasa besar	1
F4	Setiap negara anggota PBB layak mendapat satu suara	1
F5	Penggunaan senjata nuklear diharamkan	1
F6	Penggunaan bom kimia diharamkan	1
F7	PBB mempunyai tentera sendiri	1
F8	Krisis antarabangsa diselesaikan di meja rundingan	1
F9	Tiada negara boleh menceroboh / campur tangan dalam hal negara lain	1
F10	Hubungan perdagangan yang adil wajib dilaksanakan	1
F11	WTO / IMF / Bank Dunia berperanan memastikan ekonomi dunia dinikmati secara adil oleh warga dunia	1
F12	Hubungan diplomatik yang baik sentiasa dijalin antara negara	1
F13	Mahkamah Keadilan Antarabangsa diberi kuasa menyelesaikan pertikaian antarabangsa	1
F14	Mana-mana negara yang ingkar arahan PBB dikenakan tindakan yang sewajarnya / bukan sekadar celaan	1
F15	Mana-mana jawapan yang munasabah	1
Mana-mana 15 x 1 m		[8 m]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT